

(15 Mac 2021) Harian Metro, p. 21

Kuala Lumpur

Projek tebatan banjir bagi mengawal dan mengurangkan risiko banjir kilat di sekitar Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta) di sini, dijangka siap pada hujung tahun ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berkata, projek terletak di Taman Botani Perdana yang mula dibina sekitar 2018 itu sedang giat dilaksanakan dengan status hampir 60 peratus siap.

“Saya ada minta pihak pemaju buat kajian agar sistem tebatan banjir dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kualiti (saliran dan air) tasik, khususnya di Taman Botani Perdana,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di taman awam itu, semalam.



Saya ada minta pihak pemaju buat kajian agar sistem tebatan banjir dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kualiti (saliran dan air) tasik”

Annuar Musa



ANNUAR (kiri) melawat kawasan sekitar Taman Botani Perdana, semalam.

Beliau berkata, projek membabitkan kolam tadahan bawah tanah itu juga bakal dilengkapi dengan landskap yang berfungsi seba-

gai kawasan rekreasi.

Dalam pada itu Annuar berkata, pihaknya juga merancang menaik taraf persekitaran Taman Botani Per-

dana antaranya infrastruktur menghubungkan KL Sentral yang merupakan hab utama pengangkutan awam ke taman awam berkenaan

bagi kemudahan orang ramai.

“Kita juga sedang merancang membangunkan *Garden City* di kawasan sekitar

Jalan Cenderasari untuk melengkapi Taman Botani Perdana supaya menjadi lebih cantik dan terancang,” katanya. - Bernama